

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BERTULIS**

DARIPADA : **YB DATUK HAJI SHABUDIN YAHAYA**

SOALAN : **Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah status pembayaran nilai *Seed Grant* kepada syarikat peneraju (SPV) di negeri Pulau Pinang di dalam Projek NKEA, memandangkan pihak-pihak yang dijanjikan masih belum mendapat apa-apa pembiayaan.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Bagi *Entry Point Project #11* (EPP#11): Penanaman Padi Di Kawasan Lain di bawah Program NKEA Pertanian, bantuan kerajaan yang disalurkan kepada syarikat peneraju yang dilantik berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatan Kuasa Pemandu NKEA Pertanian. Komponen *Seed Grant* ini adalah suatu bentuk insentif baru yang hanya diluluskan bermula tahun 2014.

Komponen ini bertujuan sebagai insentif kepada syarikat peneraju bagi memainkan peranan dalam pengurusan penanaman padi secara sistematik dan berjadual pada skala komersial bagi meningkatkan produktiviti pengeluaran padi. Bagi mencapai hasrat tersebut, syarikat-syarikat peneraju yang dilantik perlulah mengemukakan secara terperinci rancangan peningkatan pengeluaran padi tersebut termasuklah mengaplikasikan amalan pertanian yang baik dan berteknologi, memberikan latihan kepada para petani, melaksanakan pengawalan penyakit berjadual serta menjalankan pengurusan penanaman padi secara berpusat.

Bagi tujuan pembayaran *Seed Grant* tersebut pula, kesemua syarikat-syarikat peneraju terbabit perlulah menandatangani perjanjian terlebih dahulu di samping mengemukakan pelan pengurusan yang komprehensif tersebut bagi projek yang dilaksanakan sebelum pembayaran boleh dilaksanakan.